

KEBERKESANAN APLIKASI PAUT TERHADAP PENGURUSAN PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU DI KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

Mohd Nazaruddin Hanapiah¹, Arman Hashim²

¹Kolej Komuniti Selayang
Jalan Ipoh, KM16, Persiaran Pegawai, 68100 Batu Caves, Selangor

²Kolej Komuniti Selayang
Jalan Ipoh, KM16, Persiaran Pegawai, 68100 Batu Caves, Selangor

nazaruddin@staf.kkselayang.edu.my

Received 15 July 2024, Accepted 13 August, Available Online 04 September 2024

Abstrak

Kajian ini berfokus kepada aspek pengurusan permohonan dan pengambilan pelajar baharu. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan aplikasi mudah alih "PAUT" dalam proses permohonan pendaftaran pelajar baharu sesi 2 2023/2024 di Kolej Komuniti Selayang. *Internet of Things* (IoT) merupakan jaringan benda fizikal yang dilengkapi penggerak, perisian dan teknologi lain yang bertujuan untuk menyambungkan dan bertukar data melalui aplikasi pengkomputeran awan dalam memudahkan urusan harian pengguna. Dalam erti lain ia merupakan penggabungan proses kerja secara konvensional dengan teknologi terkini untuk memudahkan proses pelaksanaan tugas, cara berkomunikasi dan penggunaan data masa nyata. Aplikasi Linktree merupakan suatu aplikasi yang menjadi alternatif yang digunakan secara optimal di masa kini seperti yang yang dijelaskan Zaccaria (2020). Data kajian ini diperolehi secara kuantitatif melalui kaedah soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada 86 orang responden yang terdiri dari kalangan pelajar baharu yang telah mendaftar pada ambilan sesi 2. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif untuk menilai persepsi pengguna terhadap keberkesanan aplikasi mudah alih "PAUT" yang telah dibangunkan. Data bagi kajian ini dianalisis menggunakan peratusan skor. Dapatan kajian menunjukkan peratusan purata skor bagi kesemua item kepuasan penggunaan "PAUT" berada pada tahap tinggi iaitu 86.82%. Dapatan kajian juga menunjukkan aplikasi ini merupakan satu inovasi yang menjadi platform untuk mengakses maklumat dengan cepat, menyumbang kepada peratusan skor tertinggi iaitu 87.67%. Hasil kajian mendapati keberkesanan aplikasi ini terhadap pengurusan pengambilan menunjukkan responden bersetuju terhadap penggunaan aplikasi ini. Kajian juga mendapati penggunaan aplikasi ini terhadap pengurusan pengambilan adalah sangat baik dan memuaskan pengguna. Secara keseluruhan didapati aplikasi ini merupakan platform alternatif yang dapat membantu menyalurkan maklumat secara ringkas dan mudah digunakan seperti dalam penyampaian maklumat serta bantuan menjawab pelbagai persoalan pelajar dalam memastikan kelancaran sepanjang proses permohonan pelajar baharu di Kolej Komuniti Selayang.

Kata Kunci: Pengurusan, permohonan, pengambilan pelajar, kolej komuniti

Abstract

This study focuses on aspects of application management and new student recruitment. This study aims to evaluate the effectiveness of the "PAUT" mobile application in the application process for new student registration session 2 2023/2024 at Selayang Community College. The Internet of Things (IoT) is a network of physical objects equipped with hardware, software and other technologies that aim to connect and exchange data through cloud computing applications to facilitate the daily affairs of users. In other words, it is a combination of conventional work processes with the latest technology to facilitate the process of task execution, communication methods and the use of real-time data. The Linktree application is an alternative application that is optimally used nowadays as explained by Zaccaria (2020). The data of this study was obtained quantitatively through the questionnaire method. Questionnaires were distributed randomly to 86 respondents consisting of new students who had registered for intake session 2. This study used a descriptive method to evaluate the user's perception of the effectiveness of the "PAUT" mobile application that had been developed. The data for this study was analyzed by using percentage scores. The findings of the study

show that the average score percentage for all items of satisfaction with the use of "PAUT" is at a high level which is 86.82%. The findings of the study also show that this application is an innovation which is a platform to access information quickly, contributing to the highest score percentage of 87.67%. The results of the study found that the effectiveness of this application on recruitment management showed that respondents agreed with the use of this application. The study also found that the use of this application for recruitment management was very good and satisfied users. Overall, it was found that this application is an alternative platform that can help channel information that is simple and easy to use such as in the delivery of information as well as assistance in answering various student questions in ensuring smoothness throughout the application process for new students at Selayang Community College.

Keywords: management, application, student intake, community college

PENGENALAN

Kolej Komuniti Selayang (KKSJ) merupakan salah satu daripada institusi kemahiran *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Kolej Komuniti Selayang menawarkan program di peringkat Sijil & Diploma kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia menawarkan 7 program pengajian di peringkat Sijil dan 1 program di peringkat Diploma. Di antara program sijil yang ditawarkan termasuk Program Sijil Kulinari, Program Sijil Asas Kulinari (OKU), Program Sijil Pastrri, Program Sijil Operasi Perhotelan, Program Sijil Rekabentuk Dalaman, dan Program Sijil Fesyen & Pakaian. Manakala program di peringkat Diploma pula ialah Diploma *Games Art Technology*.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara 2019 Siri 2, antara kelemahan yang perlu diberi perhatian termasuklah jumlah ambilan pelajar TVET bagi tahun 2016 hingga 2020 yang menunjukkan trend menurun antara 1.0 peratus hingga 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu seramai 139,699 pelajar pada 2016 kepada hanya 99,589 pelajar pada 2020. Oleh itu Unit Ambilan dan Pengambilan Pelajar (UAPP), KKSJ telah mengambil inisiatif segera dengan menghasilkan aplikasi PAUT (**P**ermohonan **A**nda **K**ami **U**Tamakan) dalam penambahbaikan pengurusan pengambilan pelajar secara tidak langsung meningkatkan ambilan pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan aplikasi PAUT dalam pengurusan permohonan pengambilan pelajar.

Sebelum tahun 2021, selain daripada permohonan melalui portal rasmi Ambilan Pelajar MYPOLYCC (ambilan.mypolycc.edu.my), proses pengambilan pelajar telah dilaksanakan secara konvensional. Pemohon dikehendaki hadir ke institusi dan mengisi borang permohonan kemasukan secara manual. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti terutamanya ketika berlakunya penularan wabak Pandemik-Covid 19 yang lalu, permohonan secara manual agak menyukarkan kepada pemohon serta berisiko dalam penyebaran virus ketika itu. Selain itu, ianya menyukarkan bagi sesetengah pemohon yang tinggal di luar kawasan dan jauh dari institusi yang mana mungkin melibatkan kos dan sebagainya. Di samping itu, kaedah manual juga boleh menyebabkan risiko kehilangan, kerosakan borang permohonan, pembaziran dari segi masa, material dan tenaga kerja di kaunter.

KAJIAN LITERATUR

Perkembangan teknologi global tanpa sempadan kini telah membuka banyak peluang dan ruang kepada kita dalam pengurusan kehidupan seharian. Pada masa ini, teknologi banyak membantu menyelesaikan masalah dan menjadi salah satu instrumen penting kepada kita semua melalui penciptaan inovasi dan aplikasi sedia ada. Pentadbiran awam yang cekap dan efisien sangat penting bagi mendepani cabaran dan masa akan datang yang lebih mencabar. Selari dengan kemajuan teknologi yang berkembang pesat dan peredaran zaman moden kini, sistem penyampaian perkhidmatan hendaklah berubah dan memenuhi kehendak pengguna.

Ini disokong oleh pernyataan Ketua Setiausaha Negara dalam Persidangan Digital Sektor Awam (PDiSA) 2023, di mana beliau menyatakan kita perlu sedar bahawa perkhidmatan awam yang terbaik tidak hanya bergantung kepada keupayaan dan kecekapan manusia yang mentadbir dan menguruskannya mahupun dokumen dasar, panduan dan prosedur operasi standard (SOP) semata-mata, tetapi juga pada teknologi yang canggih, memudahkan dan menjimatkan masa serta tenaga.

Menurut Hong et al. (2012), dengan pelbagai aplikasi yang wujud pada telefon pintar kini, ia telah menjadi popular di kalangan pengguna khususnya untuk tujuan sosialisasi yang mampu meningkatkan komunikasi. Telefon pintar telah menjadi sebahagian yang penting dalam hidup seharian. Pernyataan ini disokong oleh Song et al. (2013) yang melaporkan bahawa 40% di kalangan rakyat Malaysia mempunyai pemilikan lebih daripada dua telefon bimbit setiap orang.


Beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini di beberapa buah negara juga telah menunjukkan penerimaan dan perkembangan yang positif dalam kalangan pengguna terutamanya pelajar di universiti. Bagi tujuan pembelajaran atau yang berkaitan dengannya (pengurusan) dilaporkan sebanyak 16% daripada aplikasi tersebut telah digunakan secara langsung yang telah dinyatakan oleh Park & Lee (2012). Menurut laporan itu juga sehingga kini secara purata sebanyak 80 aplikasi mudah alih terdapat dalam sesebuah telefon pintar.

Oleh yang demikian dengan adanya dapatan ini ia secara tidak langsung dapat memberikan lebih ruang penyelidikan kepada pengkaji khususnya untuk mengetahui aspek penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar universiti terutamanya melibatkan aplikasi mudah alih yang bersesuaian dan efektif kepada kedua-dua pihak sama ada pelajar dan juga pihak pengurusan. Kajian Mohtar et al. (2013) telah membuktikan penggunaan telefon pintar oleh kebanyakan pelajar adalah menjadi satu kemestian dalam pembelajaran dan pengurusan universiti yang dianggap seiring dengan era perkembangan teknologi masa kini.

Diharapkan pada masa akan datang proses pengurusan permohonan dan pendaftaran pelajar di Kolej Komuniti Selayang akan menjadi lebih mudah dan praktikal dengan penggunaan aplikasi "PAUT" yang telah dibangunkan ini. Dengan erti lain, ianya mudah, ringkas dan mesra kepada semua pengguna kerana dapat mengakses pelbagai maklumat dalam satu pautan sahaja. Telefon pintar mempunyai banyak potensi untuk digunakan secara optimum untuk pembelajaran dan pengurusan, namun tahap penggunaannya untuk tujuan ini masih pada tahap yang rendah seperti yang dijelaskan oleh Al-fawareh & Jusoh (2014).

CIRI-CIRI APLIKASI

Ia mengandungi lima domain atau perkara penting sebagai paparan utama. Di antara domain yang berkenaan termasuklah borang permohonan kemasukan pelajar baharu, FAQ, Whatsapp, media sosial dan semakan permohonan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Aplikasi PAUT

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara tinjauan deskriptif untuk melihat tahap keberkesanan aplikasi PAUT terhadap pengurusan pengambilan pelajar baharu yang mendaftar di Kolej Komuniti Selayang pada sesi ambilan 2:2023/2024. Ini kerana pendekatan kuantitatif dapat memberi faedah kepada kajian di mana ia dapat menghasilkan satu penemuan yang *valid* dan *reliable*. Menurut Durga dan Narayan (2019), kaedah tinjauan adalah sesuai untuk mengumpulkan pendapat atau pengalaman responden berdasarkan kepada set soalan yang diedarkan kepada mereka. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian soalan seperti berikut; Bahagian A, Demografi Responden yang memberi tumpuan kepada umur, jantina, latar belakang dan program manakala Bahagian B, Tahap Keberkesanan Aplikasi.

Selain itu, kaedah ini juga bertujuan untuk mengekstrak data khusus daripada kumpulan orang tertentu mengenai keutamaan, pendapat, tingkah laku atau maklumat fakta mereka. Pendekatan ini nyata dapat memberi faedah dalam membuktikan kesahihan yang kukuh dengan menggunakan hasil daripada analisis. Borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian dibina melalui aplikasi Google Form. Kaedah ini dapat dijalankan dengan mudah dan cepat walaupun mempunyai bilangan sampel yang banyak dan sekaligus membantu penyelidik untuk menterjemahkan data dengan lebih mudah dan tepat.

Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian '*Statistical Package for the Social Science*' (SPSS) bagi memperolehi dapatan kajian yang tepat, mudah dan mampu menjawab segala persoalan kajian yang dijalankan pengkaji. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat demografi sampel kajian seperti umur, jantina, bangsa, dan lain-lain data bagi menghuraikan dan menjawab persoalan kajian.

Pengumpulan dan analisis data terhasil daripada reka bentuk kajian iaitu borang soal selidik telah digunakan. Maklumat kajian ini dikumpulkan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi melihat keberkesanan aplikasi ini terhadap responden. Kaedah Skala Likert lima tahap skor Skala Likert (Sangat Setuju) 1 hingga 5 (Tidak Setuju) telah digunakan bagi menjawab soalan untuk melihat keberkesanan aplikasi ini. Set soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada seramai 86 responden secara atas talian dengan menggunakan pautan ataupun kod QR semasa sesi taklimat pelajar baharu berlangsung. Responden terdiri daripada pelajar baharu bagi Sesi 2:2023/2024 terutamanya kepada pelajar yang telah menggunakan aplikasi ini.

PERBINCANGAN

Jadual 1: Demografi responden

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Lelaki	34	39.5	39.5	39.5
Perempuan	52	60.5	60.5	100.0
Jumlah	86	100.0	100.0	

Jadual 2: Taburan responden mengikut program

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Diploma In Games Arts	1	1.2	1.2	1.2
Sijil Fesyen dan Pakaian	2	2.3	2.3	3.5
Sijil Kulinari	23	26.7	26.7	30.2
Sijil Operasi Perhotelan	20	23.3	23.3	53.5
Sijil Pastrri	30	34.9	34.9	88.4
Sijil Rekabentuk Dalaman	10	11.6	11.6	100.0
Jumlah	86	100.0	100.0	

Jadual 3: Pemilikan telefon pintar dikalangan responden


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Tidak	0	0	0	0
Ya	86	100.0	100.0	100.0

Jadual 4: Pemilikan Akaun Media Sosial oleh Responden

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
1	7	8.1	8.1	8.1
2	14	16.3	16.3	24.4
3	17	19.8	19.8	44.2
4	22	25.6	25.6	69.8
5 ke atas	26	30.2	30.2	100.0
Jumlah	86	100.0	100.0	

Jenis akaun media sosial yang aktif anda miliki


86 responses



Rajah 2: Jenis akaun media sosial yang dimiliki oleh responden

Jenis platform media sosial bagi tujuan untuk mendapatkan sebarang maklumat berkaitan.

86 responses



Rajah 3: Jenis platform media sosial responden mengakses maklumat



Rajah 4: Jenis platform media sosial responden mendapatkan maklumat Kolej Komuniti Selayang

Dapatan kajian berkaitan maklum balas responden terhadap Penggunaan Aplikasi “PAUT” ditunjukkan dalam Jadual 5 hingga Jadual 7.

Jadual 5: Maklumat dapat diakses dengan mudah

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Tidak setuju	2	2.3	2.3	2.3
Tidak pasti	11	12.8	12.8	15.1
Setuju	50	58.1	58.1	73.3
Sangat setuju	23	26.7	26.7	100.0
Jumlah	86	100.0	100.0	

Jadual 6: Permohonan dapat dibuat dengan cepat

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Tidak setuju	1	1.2	1.2	1.2
Tidak pasti	13	15.1	15.1	16.3
Setuju	49	57.0	57.0	73.3

Sangat setuju	23	26.7	26.7	100.0
Jumlah	86	100.0	100.0	

Jadual 7: Pendaftaran dapat dibuat dengan cepat

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
2	2	2.3	2.3	2.3
3	12	14.0	14.0	16.3
4	45	52.3	52.3	68.6
5	27	31.4	31.4	100.0
Jumlah	86	100.0	100.0	

PERBINCANGAN

Hasil daripada keseluruhan kajian ini menunjukkan banyak dapatan yang menarik bermula dengan demografi responden yang terdiri daripada pelajar baharu di Kolej Komuniti Selayang. Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan sebanyak 60.5% manakala pelajar lelaki pula ialah 39.5%. Berdasarkan bilangan responden seramai 86 orang, bilangan pelajar perempuan dilihat dominan dengan 60.5% berbanding 39.5% untuk lelaki.

Situasi ini adalah normal untuk kemasukan pelajar ke dalam sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) sejak kebelakangan ini yang banyak didominasi oleh pelajar berbangsa Melayu. Kemasukan pelajar baharu ke kolej komuniti ini kebanyakannya didominasi oleh pelajar dengan penggunaan keputusan SPM. Di dalam Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut program pengajian di Kolej Komuniti Selayang. Maklumat ini menunjukkan bahawa responden yang mengisi maklumat ini terdiri daripada pelbagai bidang pengajian yang sedang diikuti dan menjadi pilihan pertama selepas mendaftar.

Jadual 3 menunjukkan pemilikan telefon pintar 100.0% yang mana kesemua responden mempunyai sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar. Berdasarkan maklumat daripada Jadual 4, dapat dirangkumkan bahawa responden yang terdiri daripada pelajar baharu ini mempunyai lebih 5 akaun media sosial iaitu sebanyak 30.2% peratus responden. Diikuti dengan 25.6% responden yang mempunyai 4 akaun media sosial, 19.8% yang mempunyai 3 akaun media sosial, 16.3% mempunyai 2 akaun media sosial dan 8.1% sahaja yang mempunyai 1 akaun media sosial.

Maklumat daripada Rajah 2 menunjukkan jenis akaun media sosial yang dimiliki pelajar baharu di Kolej Komuniti Selayang dalam kehidupan seharian mereka kini. Media sosial seperti Whatsapp, Instagram, Tiktok dan Telegram, merupakan aplikasi sosial yang paling banyak dimiliki dan digunakan iaitu 90.7%, 76.7%, 70.9%, dan 67.4% jauh meninggalkan aplikasi sosial yang lain seperti Facebook dan Twitter masing-masing hanya 22.1% dan 17.4% sahaja.

Rajah 3 menunjukkan jenis platform media sosial yang sering digunakan responden untuk tujuan mengakses maklumat yang berkaitan. Aplikasi Tiktok mendahului media sosial yang lain

iaitu sebanyak 61.6% bagi tujuan tersebut, diikuti dengan Instagram 58.1%, laman web 53.5%, Facebook 18.6% dan Twiter 15.1%.

Manakala Rajah 4 menunjukkan jenis platform media sosial yang sering digunakan responden bagi tujuan mengakses maklumat dan juga mendapatkan maklumat berkaitan dengan Kolej Komuniti Selayang. Aplikasi Tiktok masih menjadi pilihan utama pelajar baharu iaitu 43.0% diikuti oleh Instagram 30.2%, laman web institusi sebanyak 29.1%, Facebook 23.3% dan Twiter 1.2% sahaja.

Di dalam Jadual 5, sebanyak 58.1% responden bersetuju setiap maklumat dapat diakses dengan mudah dengan penggunaan aplikasi ini disokong pula dengan 26.7% responden yang menyatakan sangat setuju daripada keseluruhan 86 orang responden. 12.8% orang responden sahaja yang menyatakan jawapan tidak pasti dan hanya 2.3% responden menyatakan jawapan tidak bersetuju terhadap perkara ini.

Daripada keseluruhan responden seramai 86 orang, 49 orang responden menyatakan bersetuju manakala 23 orang responden menyatakan sangat setuju dengan penggunaan aplikasi ini proses permohonan dapat dibuat dengan lebih cepat. Manakala 13 orang responden memberikan jawapan tidak pasti dan seorang responden menyatakan tidak bersetuju terhadap penggunaan aplikasi ini proses permohonan dapat dibuat dengan lebih cepat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 7 pula menunjukkan dapatan responden terhadap proses pendaftaran dapat dibuat dengan cepat melalui penggunaan aplikasi ini. 45 orang responden menyatakan bersetuju dan 27 orang responden menyatakan sangat setuju bahawa dengan penggunaan aplikasi ini proses pendaftaran pelajar baharu dapat dibuat dengan lebih cepat. Manakala 13 orang responden memberikan jawapan tidak pasti dan 2 orang responden menyatakan tidak bersetuju terhadap persoalan ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan berdasarkan kepada maklumbalas kajian ini menunjukkan perlaksanaan penggunaan aplikasi “PAUT” ini secara sepenuhnya oleh pelajar baharu adalah berjaya dan membantu memudahkan proses pendaftaran awal. Kajian ini juga mendapati keseluruhan responden telah memiliki telefon pintar dan akaun media sosial. Keputusan ini juga amat relevan dan menunjukkan bahawa setiap responden mempunyai kemampuan literasi untuk memahami serta mempunyai kemahiran asas dalam pengoperasian aplikasi melalui telefon pintar secara amnya.

Selain itu, tidak boleh dinafikan juga pelajar baharu kini yang lahir di dalam dunia teknologi dan pendigitalan lebih ke hadapan dalam penggunaan aplikasi dan media sosial. Aplikasi media sosial seperti Tiktok menjadi pilihan utama kepada generasi baru dalam banyak perkara telah disokong hasil daripada kajian ini. Pada hari ini, telefon pintar telah menjadi satu keperluan yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia.

Setiap orang sekurang-kurangnya mempunyai sebuah telefon pintar bagi tujuan komunikasi dan perhubungan. Walaubagaimanapun beberapa langkah yang proaktif telah dirancang bagi mengatasi masalah pelajar yang masih tidak mempunyai telefon pintar dan juga akaun media sosial oleh pihak institusi walaupun jumlahnya kurang berdasarkan ratio responden yang terlibat.

Antaranya ialah peranan pensyarah itu sendiri yang mengambil inisiatif bagi membantu segelintir pelajar baharu tersebut seperti menggunakan komputer riba bagi menggantikan telefon pintar. Penggunaan komputer di makmal dan perpustakaan telah diberikan kebenaran oleh pihak institusi bagi pelajar menerokai aplikasi dan teknologi tersebut.

Diharapkan pada masa akan datang proses pengurusan permohonan dan pendaftaran pelajar di Kolej Komuniti Selayang akan terus menjadi lancar dan mudah dengan adanya aplikasi “PAUT” yang telah dibangunkan ini. Dengan erti lain, ia mudah, ringkas dan mesra kepada semua

pihak yang terlibat dalam proses tersebut selain daripada pengguna itu sendiri. Telefon pintar juga mempunyai banyak potensi untuk digunakan secara optimum untuk pembelajaran dan pengurusan, namun tahap penggunaannya untuk tujuan ini masih lagi pada tahap yang rendah seperti yang dijelaskan oleh Al-fawareh & Jusoh (2014).

RUJUKAN

- PDiSa Persidangan Digital Sektor Awam. (2024). Pdisa.mampu.gov.my, from <https://pdisa.mampu.gov.my/>.
- Jabatan Audit Negara Malaysia. (2021). Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 [Review of Laporan Ketua Audit Negara 2019 siri 2]. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2021-09-28/CMD.17.2021%20-%20CMD%2017.2021.pdf>.
- Zaccaria, A. (2020). *Bootstrapped and Global from Day One: The Story of Link tree. Startup Nation*. <https://startupnation.com/start-yourbusiness/bootstrapped-global-linktree>.
- Hong, F.-Y., Chiu, Shao-I., & Huang, D.-H. (2012). *A Model of the Relationship Between Psychological Characteristics, Mobile Phone Addiction and Use of Mobile Phones by Taiwanese University Female Students. Computers in Human Behavior, 28 (6), 2152–2159*. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2012.06.020>.
- Durga, P. N., & Narayan, K. A. (2019). *Strengths and weaknesses of online surveys. IOSR Journal of Humanities and Social Sciences (IOSR-JHSS), 24 (5), 31–38*. https://www.researchgate.net/publication/333207786_Strengths_and_Weakness_of_Online_Surveys.
- Al-fawareh, H.M. & Jusoh, S (2014). *Smartphones Usage Among University Students: Najran University Case. International Journal of Academic Research, 6(2): 321-326*.
- Song, H.S.Y., Murphy, A. & Farley, H. (2013). *Mobile devices for learning in Malaysia: Then and now. Prosiding 30th Ascilite Conference*. pp. 1-4.
- Mohtar, N.M.M., Hassan, M.A., Hassan, M.S. & Osman, M.N. (2013). *The Importance of Smartphone's Usage Among Malaysian. Journal Of Humanities and Social Science, 15(9): 491-497*.
- Park, N. & Lee, H. (2012). *Social Implications of Smartphone Use: Korean College Students' Smartphone Use and Psychological Well-Being. Cyberpsychology, Behavior & Social Networking, 15(9): 491-497*.
- Linktree: Pengertian, Manfaat, Cara Membuat dan Menggunakannya - Cermati.com*. (n.d.). www.cermati.com. <https://www.cermati.com/artikel/linktree>.